

03/06/2003

IMF puji usaha Malaysia baiki kedudukan ekonomi

Azizi Othman

LAUSANNE (Switzerland): Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) menyebut Malaysia sebagai antara tiga negara contoh yang sudah melakukan pelbagai perubahan struktur untuk memperbaiki kedudukan kewangan dan ekonominya.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, IMF dan Bank Dunia serta negara G-8 kini mengakui struktur kewangan dunia mempunyai beberapa kelemahan dan perlu diperbaiki.

Perdana Menteri berkata, perkara itu dinyatakan beberapa pemimpin negara G-8 dan agensi antarabangsa terbabit dalam dialog tidak rasmi menjelang sidang kemuncak kumpulan negara maju itu yang berlangsung di Evian, Perancis, kelmarin.

"Kita dapati kini negara G-8 dan agensi seperti IMF serta Bank Dunia agak positif dan mengaku bahawa struktur kewangan antarabangsa yang ada sekarang mempunyai kelemahan dan perlu diperbaiki," katanya ditanya butiran perbincangan dialog itu pada sidang media dengan wartawan Malaysia di hotel penginapannya di sini, selepas menghadiri dialog itu, kelmarin.

Perdana Menteri berkata, paling bersikap positif terhadap perkara itu pada dialog kelmarin ialah IMF yang beberapa kali mengambil Malaysia sebagai contoh kepada negara Afrika berhubung kaedah pengurusan ekonomi.

"IMF menyebut Malaysia, Brazil dan Mexico sebagai contoh negara yang sudah melakukan pelbagai perubahan struktur untuk memperbaiki kedudukan kewangan dan ekonominya.

"Mereka (IMF) tahu kita sudah mempermodal semula bank kita, meningkatkan ketelusan, mengurus pinjaman tidak berbayar (NPL) dengan baik dan memperkukuh kedudukan kewangan.

"Jadi, ini bermakna mereka sanggup mendengar apa yang sudah kita lakukan dan kita harus mengambil kesempatan daripadanya," katanya.

Malah kata Perdana Menteri, Suruhanjaya Bursa dan Sekuriti (SEC) Amerika Syarikat sendiri kini sudah bercakap mengenai mahu mengenakan kawalan terhadap urus niaga mata wang supaya ia lebih telus.

"Dolar Amerika kini tertekan dan ia sebahagiannya berpunca daripada tindakan serangan spekulator. Mereka kini bimbang dengan pihak tertentu yang mempunyai kemudahan untuk meniagakan terlalu banyak wang," katanya.

Dr Mahathir berkata, perkara yang sama juga berlaku terhadap jualan singkat dengan SEC bercakap mengenai kemungkinan sesiapa yang melakukannya mungkin dikenakan cukai jika dibuat dalam tempoh tertentu.

Ditanya jika ia mencerminkan pengiktirafan antarabangsa terhadap saranan Malaysia sebelum ini, Perdana Menteri berkata: "Kita tidak akan berbangga dengan apa yang betul dan sudah kita lakukan.

"Bagaimanapun dunia kini sudah dapat menerima hakikat terutama berhubung peniaga mata wang. Jadi, apa yang kita sebutkan sejak lima tahun lalu kini ternyata betul," katanya.

Dr Mahathir juga memberitahu, beliau sempat berbincang secara singkat dengan Pengarah Urusan IMF, Horst Kohler yang memberikan reaksi positif terhadap pelbagai langkah yang diambil Malaysia untuk mengukuhkan ekonominya.

"Saya sempat berbincang dengannya (Kohler) pada sesi di antara dialog terbabit dan beliau menyambut baik usaha kita serta menyatakan hasratnya untuk berkunjung ke Malaysia," katanya.

Ditanya mengenai reaksi bekas Pengarah Urusan IMF, Michel Camdessus yang suatu ketika dulu lantang mengkritik dasar kewangan Malaysia, Dr Mahathir berkata, beliau (Camdessus) hadir tetapi tidak menyertai dialog.